

Jejak Warisan

Kuching

singkap

sejarah Sarawak

PENGARUH penjajahan di Sarawak kini menjadi satu produk pelancongan dengan cara tersendiri. Sejarah awal Sarawak adalah unik kerana ia bukan diperintah oleh empayar asing tetapi oleh sebuah keluarga, pemerintahan keluarga Brooke dari 1841-1941. Apabila James Brooke tiba pada 1839, Kuching hanya terdiri daripada pondok kayu beratap nipah yang didirikan sepanjang Sungai Sarawak, kebanyakannya di sepanjang Bazar Utama yang boleh dilihat sekarang.

Ketika pemerintahan keluarga Brooke banyak bangunan mercu tanda dan warisan muncul, antaranya Rumah Biskop yang dibina pada 1849, Masjid Negeri Lama (1847), Rumah Kerajaan (1857) dan Katedral St Thomas (1857). Pemerintahan 'Rajah Putih' berakhir dengan kedatangan tentera Jepun pada malam sebelum Krismas pada 1941, tetapi yang pasti pusaka peninggalan Brooke memberikan Kuching keistimewaan yang tersendiri hingga ke hari ini.

Dalam mengakui peninggalan Brooke perlu dipulihara bagi generasi masa depan lantaran potensi yang dimilikinya sebagai tarikan pelancong, Pertubuhan Warisan Sarawak (SHS) ditubuhkan baru-baru ini untuk memulihara serta menerokai potensi aset warisan. Buat permulaan SHS, sebuah pertubuhan bukan kerajaan, sedang melaksanakan 'Kuching Heritage Trails' atau Jejak Warisan Kuching dengan kerjasama Persatuan Arkitek Malaysia cawangan Sarawak. Jejak warisan ini bukan saja satu produk pelancongan, malah untuk mempromosi, memahami, menghargai dan memulihara sejarah Sarawak.

"Bersama jejak warisan ini, kita sepatutnya boleh mengambil kesempatan daripada potensi dalam warisan binaan dan mengeksploitasinya bagi tujuan pelancongan sementara menampilkan sejarah unik negeri kita," kata Menteri Pembangunan Bandar dan Pelancongan Negeri Datuk Seri Wong Soon Koh semasa pelancaran SHS di sini.

Presiden SHS Datu Aloysius Dris menjelaskan jejak warisan itu yang digelar 'Brooke Legacy Self Guided Tours' meliputi bangunan yang memberi gambaran suasana ketika era Brooke, dan kesemuanya dalam jarak jalan kaki dalam presint sejarah itu di bahagian bandar lama kotaraya Kuching.

Jejak itu terbahagi kepada dua laluan iaitu pertama meliputi bahagian timur bandar lama Kuching, manakala laluan kedua meliputi barat bandaraya itu.

Ia menawarkan penjelajahan istirehat antara satu hingga tiga jam yang dibahagikan kepada pelbagai tarikan makanan, rempah ratus dan bangunan bersejarah serta khidmat pemandu pelancong terlatih.

Dris menjelaskan jejak laluan pertama bermula di Bangunan Mahkamah Lama Kuching, iaitu bangunan pentadbiran

Dris menjelaskan jejak laluan pertama bermula di Bangunan Mahkamah Lama Kuching, iaitu bangunan pentadbiran pertama dalam era Brooke dengan semua urusan pentadbiran di bawah bumbungnya.

Kini, ia adalah Kompleks Pelancongan Sarawak, pembinaannya bermula pada 1868 dan ia contoh terbaik seni bina zaman itu. Laluan itu seterusnya sampai ke tugu granit setinggi enam meter menghadap Dermaga Kuching, yang didirikan dan ditauliahkan pada 1924 sebagai penghormatan kepada Rajah kedua, Charles Brooke, kerana sumbangannya kepada negeri.

Pada setiap sudut terdapat satu panel gangsa dengan patung mewakili masyarakat Cina, Iban, Melayu dan Kayan. Bangunan Jepun, satu-satunya bangunan pentadbiran yang didirikan oleh tentera Jepun di Sarawak ketika Perang Dunia Kedua (WWII) juga terletak dalam laluan itu.

Dris berkata, tahanan perang dikerah menyiapkan bangunan itu yang menghalang laluan antara Jalan India dan Jalan Carpenter.

Satu lagi bangunan dalam laluan itu ialah Pavillion yang dibina oleh Jepun pada 1909. Ia berfungsi sebagai ibu pejabat propaganda Jepun tetapi selepas WWII ia diduduki oleh Jabatan Pendidikan sehingga 1970-an, sebelum ia diambil alih oleh Jabatan Kehakiman.

Disenaraikan sebagai bangunan bersejarah, ia dipulihara dengan baik dan kini digunakan oleh Jabatan Muzium untuk menempatkan Muzium Tekstil. Selepas kebakaran besar pada 1884, yang memusnahkan kebanyakan bangunan antara Jalan Carpenter dan Bazaar Utama, 'Round Tower' merupakan bangunan pertama dibina selepas kejadian itu dan disiapkan dua tahun kemudian.

Walaupun pada permulaan ia digunakan sebagai dispensari, lazimnya dipercayai ia pada asalnya dibina sebagai pos kawalan dan mungkin, juga sebagai kubu pertahanan bagi pentadbir Brooke kerana lokasi strategiknya di tebing Sungai Sarawak.

Laluan itu juga merentasi Sungai Sarawak, dengan pelawat boleh melintas sungai itu menggunakan tambang (bot), ke Astana yang hari ini adalah kediaman rasmi Gabenor Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.

Disiapkan pada 1870 sebagai kediaman Rajah Kedua Charles Brooke, ia sebenarnya hadiah perkahwinan kepada isterinya, Ranee Margaret dan keluarga menghuninya sehingga Sir Charles Vynner Brooke meninggalkan Sarawak selepas pencerobohan tentera Jepun. - Bernama